

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini bertujuan untuk membincangkan serta merumuskan dapatan yang diperolehi dalam penyelidikan ini dan seterusnya memberi beberapa cadangan. Penyelidikan ini dilakukan untuk mengenalpasti dua belas buah bahan bantu mengajar yang boleh didapati di dua belas buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Selain daripada itu kajian ini juga ingin mengetahui kekerapan penggunaan bahan sumber tersebut dalam pengajaran mata pelajaran Perdagangan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah atau halangan yang dihadapi oleh guru-guru Perdagangan dalam penggunaan bahan bantu mengajar, sikap dan pandangan guru terhadap penggunaan bahan sumber dan akhir sekali kajian ini ingin mengetahui kursus yang diperlukan oleh guru-guru Perdagangan dari aspek penggunaan dan penghasilan bahan bantu mengajar.

## 5.2 PERBINCANGAN

Perbincangan dilakukan berdasarkan kepada tajuk-tajuk berikut:-

- 5.2.1. Kebolehdapatan bahan bantu mengajar di sekolah
- 5.2.2. Kekerapan penggunaan bahan sumber
- 5.2.3. Masalah dalam pemerolehan dan penggunaan bahan pengajaran.
- 5.2.4. Sikap guru terhadap penggunaan bahan sumber
- 5.2.5. Keperluan kursus

### 5.2.1 Kebolehdapatan Bahan Bantu Mengajar Di Sekolah

Motif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti bahan sumber dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan di 12 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Gombak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahan pandang yang paling senang didapati di sekolah ialah buku teks, buku rujukan, papan hitan/papan kapur serta overhead projektor (OHP) dan transparensi. Bahan ini didapati di semua 12 buah sekolah. Alat mendengar iaitu radio dan radio kaset juga boleh didapati

di semua sekolah kajian. Selain daripada itu alat pandang dengar yang boleh didapati di kesemua sekolah ialah televisyen.

Bahan bantu mengajar yang agak kurang terdapat di sekolah ialah projektor filem, slaid pita dan model. Kebanyakan bahan sumber asas boleh didapati di sekolah dan bahan yang kurang didapati ialah bahan-bahan canggih dan terbaru dalam bidang pendidikan seperti projektor filem.

### **5.2.2 Kekerapan Penggunaan Bahan Sumber Dalam Pengajaran**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kekerapan penggunaan setiap jenis alat bantu mengajar yang didapati di sekolah. Antara bahan sumber yang kerap digunakan dalam pengajaran pembelajaran Perdagangan ialah papan hitam/papan kapur, buku teks dan buku rujukan. Bahan-bahan ini digunakan sama ada "lebih dari sekali dalam seminggu" ataupun digunakan "sekali dalam seminggu".

Bahan sumber yang langsung tidak digunakan oleh guru Perdagangan adalah Komputer/Perisian Komputer dan Projektor filem. Dengan ini boleh dikatakan guru-guru Perdagangan masih menggunakan kaedah tradisional iaitu "chalk talk", kerana mereka masih bergantung kepada penggunaan buku teks, buku rujukan dan papan kapur.

Walaupun KBSM menekan kepada penggunaan bahan bantu mengajar, guru masih mengamalkan pengajaran secara konvensional. Dapatan ini adalah sama dengan dapatan di dalam kajian Hon (1997), Gan (1990). Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1987) dan Ngui (1976).

Apabila responden diminta, mengapakah mereka masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional? Mereka mengatakan bahawa bahan sumber ini kurang digunakan kerana:-

- (i) Sukatan pelajaran terlalu banyak
- (ii) Tekanan peperiksaan memaksa mereka menggunakan buku teks dan papan tulis.
- (iii) Bahan bantu seperti Video, Komputer, Projektor kurang terdapat.
- (iv) Kurang menerima latihan tentang cara penggunaan bahan sumber
- (v) Kurang pembantu yang terlatih.

### **5.2.3 Masalah Dalam Pemerolehan Dan Penggunaan Bahan Pengajaran**

Para responden kajian ini telah menyatakan lapan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pemerolehan dan penggunaan bahan bantu pengajaran. Masalah-masalah tersebut adalah seperti berikut:-

- 1) Kekurangan masa untuk menyediakan dan menggunakan alat bantu mengajar kerana beban kerja yang banyak.
- 2) Kekurangan kemudahan bagi guru-guru untuk menghasilkan bahan pengajaran sendiri.
- 3) Sukar untuk memperbaiki/menggantikan bahan pengajaran yang telah hilang atau rosak.
- 4) Tiada pembantu terlatih (mahir) untuk membantu tentang cara penggunaan media pengajaran yang dibekalkan/disediakan.
- 5) Kekurangan penyebaran tentang media pengajaran yang boleh didapati bagi kegunaan guru-guru.
- 6) Tiada kursus dalaman tentang penggunaan media pengajaran yang disediakan bagi guru-guru.

- 7) Pengetahuan dan kemahiran yang kurang dalam penggunaan bahan pengajaran.
- 8) Kekurangan pembantu atau orang terlatih untuk menguruskan pusat sumber.

Kekurangan masa dan beban kerja terutamanya kerja-kerja perkeranian yang banyak merupakan halangan utama bagi penggunaan bahan bantu mengajar. Guru-guru juga diwajibkan mengajar di antara 28 hingga 30 waktu (satu waktu 35 minit atau 40 minit) dalam seminggu. Keadaan ini menyebabkan guru-guru kurang menggunakan bahan sumber dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan.

Sekolah juga jarang menyediakan kemudahan asas bagi guru-guru untuk menyediakan bahan sumber sendiri. Keperluan asas seperti pen maker, gunting, gam dan kad manila tidak disediakan oleh pihak sekolah. Selain daripada itu alat bantu mengajar yang telah rosak atau hilang jarang diperbaiki atau diganti. Keadaan ini menyebabkan bahan sumber semakin lama semakin berkurangan.

Ketiadaan pembantu terlatih untuk membantu tentang cara penggunaan media pengajaran terutamanya alat-alat baru merupakan satu lagi masalah dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Responden

juga mengatakan, kekurangan penyebaran maklumat oleh Kementerian Pendidikan tentang media pengajaran yang boleh didapati bagi kegunaan guru, menyebabkan penggunaan bahan sumber oleh guru berkurangan. Pihak sekolah juga jarang menganjurkan kursus dalaman tentang penggunaan media pengajaran, pihak pentadbiran sekolah hanya menggalakkan penggunaan alat bantu mengajar tetapi jarang mengadakan kursus tentang cara penggunaan bahan sumber yang terdapat. Ketiadaan tunjukajar tentang cara penggunaan bahan bantu mengajar menyebabkan pengetahuan dan kemahiran menjadi kurang. Keadaan ini menyebabkan penggunaan alat bantu mengajar semakin berkurangan.

Satu lagi masalah yang dihadapi adalah kekurangan pembantu atau orang terlatih untuk menguruskan pusat sumber. Keadaan ini menyebabkan pengetua sekolah melantik seorang guru biasa untuk mengendalikan pusat sumber. Guru pusat sumber berkenaan mungkin tidak ada kemahiran teknikal untuk memperbaiki alat bantu mengajar yang rosak. Selain daripada itu pengurusan pusat sumber juga mungkin tidak teratur.

Walaupun semua responden yang ditemui suka menggunakan bahan sumber pengajaran tetapi halangan-halangan di atas menyebabkan mereka tidak berbuat demikian.

#### **5.2.4 Pandangan Dan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Media Pengajaran**

Hasil kajian ini menunjukkan guru-guru berpendapat positif terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam aktiviti pengajaran pembelajaran. Kajian Gan (1990) dan Hon (1997) juga menunjukkan sikap guru-guru terhadap bahan sumber adalah menggalakkan.

Berikut merupakan tujuh kenyataan yang dipersetujui oleh kebanyakan responden:-

- 1) Pengajaran mata pelajaran Perdagangan menjadi lebih menarik apabila menggunakan bahan pengajaran.
- 2) Penggunaan alat bantu mengajar di dalam pengajaran bilik darjah perlu diperbanyakkan.
- 3) Penggunaan media pengajaran mengembangkan kreativiti guru.
- 4) Penggunaan alat pandang dengar (APD) menyebabkan perasaan ingin tahu timbul di kalangan pelajar.
- 5) Bahan-bahan pengajaran memainkan peranan penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Perdagangan.



- 6) Kebanyakan konsep Perdagangan dapat diajar dengan lebih baik jika media pengajaran digunakan berbanding dengan kaedah "chalk and talk".
- 7) Penggunaan alat pandang dengar yang terdapat pada masa sekarang perlu diperbanyakkan.

### **5.2.5 Keperluan Kursus**

Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan guru bersetuju bahawa tiada kursus dalaman tentang penggunaan media pengajaran. Oleh itu, tentang penggunaan bahan bantu mengajar adalah satu perkara penting. Hasil kajian ini menunjukkan kesemua seratus peratus guru memerlukan kursus tentang kedua-dua aspek iaitu penggunaan dan penciptaan media pengajaran. Ini adalah penting kerana dengan ini guru bukan sahaja boleh menggunakan bahan sumber sedia ada malahan mereka juga boleh menghasilkan media pengajaran yang diperlukan.

### **5.3 Rumusan**

Hasil yang didapati daripada kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:-

- i) Bahan bantu mengajar yang mudah didapati di kebanyakan sekolah ialah papan tulis, buku teks dan buku rujukan. Oleh itu bahan-bahan ini digunakan dengan lebih kerap dalam aktiviti pengajaran pembelajaran.
- ii) Bahan-bahan seperti komputer dan slaid projektor agak kurang terdapat di sekolah dan ia kurang digunakan oleh guru-guru.
- iii) Kekurangan masa, kekurangan kemudahan bagi guru, kesukaran dalam membaiki/mengganti bahan sumber, ketiadaan pembantu terlatih, kekurangan penyebaran maklumat, ketiadaan kursus dalaman, kekurangan pengetahuan dan kemahiran dan pengurusan pusat sumber yang kurang cekap merupakan lapan masalah yang dihadapi oleh guru dalam penggunaan bahan sumber.
- iv) Guru-guru mempunyai pandangan atau sikap yang positif terhadap penggunaan bahan bantu mengajar. Responden kajian ini juga menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu perlu diamalkan dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan KBSM.
- v) Responden mengatakan, mereka perlukan kursus dari segi penghasilan dan penggunaan bahan bantu mengajar demi

mempertingkatkan mutu pengajaran pembelajaran mata pelajaran perdagangan.

#### **5.4 Cadangan**

Berdasarkan kepada hasil penemuan kajian ini, demi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran mata pelajaran Perdagangan SPM KBSM, langkah-langkah berikut perlu diambil oleh pihak Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

- 1) Kemudahan asas bagi guru-guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar perlu disediakan. Antara kemudahan yang diperlukan adalah bilik khas, gam, gunting, pen marker, dan kertas manila.
- 2) Harus ada seorang guru khas untuk mengendalikan pusat sumber dan beliau mesti mempunyai kemahiran teknikal dalam memperbaiki bahan yang rosak.
- 3) Waktu pengajaran dan kerja-kerja perkeranian perlu dikurangkan lagi supaya guru dapat menyediakan bahan sumber sendiri.

- 4) Guru-guru perlu diberi kursus untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan bahan bantu mengajar.
- 5) Pihak sekolah perlu menyampaikan maklumat terkini tentang media pengajaran yang boleh didapati bagi kegunaan guru.
- 6) Alat bantu mengajar canggih seperti komputer dan projektor filem perlu diperbanyakkan.
- 7) Hasil dapatan juga menunjukkan guru jarang menggunakan bahan seperti Slaid Projektor, Suratkhobar, Globe, Papan Gulung, Radio, Televisyen, Video dan sebagainya. Jadi kursus perlu diberi untuk memperbanyakkan penggunaan bahan ini.

## **5.5 Cadangan Kajian Lanjutan**

Hasil kajian ini menunjukkan guru mempunyai pandangan dan sikap positif terhadap penggunaan bahan bantu mengajar. Walau bagaimanapun tidak dapat dinyatakan keadaan yang sama boleh didapati di semua kawasan di negara ini. Maka satu kajian lanjutan boleh

dijalankan dengan mengambil lebih bany;

Malaysia sebagai sampel.